



**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
CAWANGAN KENINGAU**

Tingkat 2, Rumah Persekutuan
Beg Berkunci No. 5
89009 Keningau
SABAH

Telefon : 087-331245/339960
Faks : 087-330449
Laman Web : www.anm.gov.my/index.php/utama-keningau

Rujukan : JANM.KNGAU.600-3/1/4 JLD.4 (5)

Tarikh : 01 Mac 2023

Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ)
Daerah Keningau, Tenom, Tambunan dan Nabawan

Tuan/Puan

**PENYEDIAAN KERTAS KERJA SOKONGAN (“KKS”) LEJAR AKRUAN BAGI PENYATA
KEWANGAN KERAJAAN PERSEKUTUAN PRA-PERALIHAN TAHUN KEWANGAN 2022**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa KKS Lejar Akruan bagi PKKP Pra-Peralihan Tahun Kewangan 2022 perlu disediakan bagi tujuan pengauditan oleh Ketua Audit Negara. Ketua Jabatan di PTJ hendaklah memastikan semua dokumen kewangan yang diperlukan bagi tujuan pengauditan adalah lengkap dan sempurna sebelum diserahkan ke jabatan ini.

3. Sehubungan dengan itu, PTJ hendaklah menyediakan **Pengesahan Baki seperti pada 31 Disember 2022 sebanyak 3 salinan** mengikut lampiran (**Rujuk Lampiran A**) yang berkaitan dan mengesahkan secara berasingan mengikut PTJ dipertanggung berdasarkan laporan di Portal iGFMAS dan menyediakan penyata penyesuaian jika baki yang disediakan berbeza dengan rekod PTJ.

4. Semua lampiran yang terlibat **hendaklah dihantar ke jabatan ini sebelum atau pada 21 Mac 2023**. Sebarang pertanyaan boleh berhubung terus dengan pegawai berkaitan seperti di Lampiran A.

Perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan dalam mematuhi tarikh akhir yang ditetapkan adalah amat dihargai bagi memastikan penyediaan KKS Lejar Akruan PKKP Tahun 2022 ini berjalan lancar.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasakan Budaya Inovasi Digital"

Saya yang menjalankan amanah,

(MIRNAWATI BINTI SYARIPUDDIN C.A (M), CPA (Aust.))

Pengarah

Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Cawangan Keningau